

## FAQ FIX UP CONCEALER

1. Apakah perbezaan Fix Up Concealer ini dengan Full Cover Concealer?

FIX UP CONCEALER	FULL COVER CONCEALER
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berkemasan soft matte dimana ianya tidak akan nampak terlalu kering pada kulit.</li> <li>• Litupan medium hingga penuh.</li> <li>• Menyembunyikan ketidaksempurnaan wajah seperti parut, jerawat, jeragat dan lingkaran gelap bawah mata.</li> <li>• Teksturnya seakan cecair likat tetapi tidak meninggalkan rasa 'heavy' pada kulit.</li> <li>• Mengandungi agen pelembap seperti Sodium Hyaluronate dan Vitamin E untuk memberi kebaikan pada kulit wajah.</li> <li>• Aplikator dengan bentuk 'doe foot' untuk memudahkan setiap olesan.</li> <li>• Hadir dengan 3 kod warna.</li> <li>• Sesuai untuk semua jenis kulit lebih-lebih lagi untuk mereka yang ada masalah kulit berminyak, berparut &amp; jerawat.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berkemasan sedikit dewy dan ringan dengan formula "bebas bernafas".</li> <li>• Litupan medium hingga penuh.</li> <li>• Ia digunakan untuk menyamarkan noda, lingkaran gelap bawah mata, sekatakan tona wajah &amp; menutup parut atau jeragat.</li> <li>• Teksturnya seakan krim cair yang sangat ringan pada kulit.</li> <li>• Aplikator dengan span lembut untuk memudahkan setiap olesan.</li> <li>• Boleh dijadikan sebagai highlight di bawah mata, tulang hidung dan tulang kening.</li> <li>• Ideal bagi kulit kering, kombinasi dan berminyak.</li> </ul>

2. Adakah Fix Up Concealer ini mempunyai coverage yang cukup untuk menutup cela atau parut jerawat? Atau pengguna masih perlu menambah doll skin foundation di atasnya?

Coverage bagi Fix Up Concealer adalah medium to full coverage. Penggunaan foundation adalah digalakkan untuk membeli penyamaran sempurna pada solekan.

3. Adakah Fix Up Concealer boleh dicampur bersama Pearl Cream bagi pengguna yang tidak suka menggunakan foundation?

Ya boleh. Bagi yang tidak gemarkan menggunakan foundation, boleh gunakan Fix Up Concealer ini sahaja untuk menutup tidak kesempurnaan wajah. Kunci utamanya hanya perlu blend concealer sehingga sekata untuk elak wajah nampak bercapuk.

4. Adakah kandungan vitamin E dalam Fix Up Concealer ini mampu memudarkan parut dan gelap di bawah mata?

Vitamin E memang bagus untuk lingkaran gelap bawah mata dan kedutan bawah mata kerana ianya bantu beri lembapan pada kawasan bawah mata dan tinggi anti oksida yang membantu melambatkan kemunculan kedutan pada kulit.

5. Adakah Fix Up Concealer ini akan meninggalkan kesan 'crack' pada pengguna yang berwajah kering?

Tidak, kerana ia mengandungi kandungan Sodium Hyaluronate & Vitamin E yang bantu memberi lembapan pada kulit.

### APA ITU FIX UP CONCEALER

- Fix Up Concealer dirumus khas untuk memberi litupan medium hingga penuh yang memberi kemas 'soft matte' untuk menyembunyikan ketidaksempurnaan wajah seperti parut, jerawat, jeragat dan lingkaran gelap bawah mata.
- Diperkaya dengan formulasi tinggi emolien dan lembapan yang berfungsi untuk memastikan kulit tampil mulus dan halus pada setiap penggunaan.
- Kemasannya sangat ringan tetapi masih mampu menyembunyikan ketidaksempurnaan kulit untuk memberi kemas solekan yang sempurna.
- Gabungan sempurna Sodium Hyaluronate dan Vitamin E dalam Fix Up Concealer ini untuk memberi kebaikan kepada kulit yang membantu melembap serta melindungi kulit dari radikal bebas perosak kulit.
- Dicipta dengan aplikator berbentuk 'doe foot' yang memudahkan setiap olesan produk pada kulit yang memberikan kemas natural pada solekan.
- Hadir dengan 3 kod warna yang disesuaikan untuk membantu penyamaran ketidaksempurnaan kulit, penyamar noda ini mampu bertahan sepanjang hari tanpa menyebabkan kesan bercapuk pada solekan.
- BEBAS PARABEN

## **BAHAN UTAMA DALAM FIX UP CONCEALER**

Berat : 0.34oz / 10ml

*Water, Titanium Dioxide, Cyclomethicone, Isohexadecane, Polymethyl Methacrylate, Octyldodecyl Stearoyl Stearate, Isononyl Isononanoate, Lauryl PEG- 10 Tris (Trimethylsiloxy) Silylethyl Dimethicone, Butylene Glycol, Tridecyl Trimellitate, Polymethylsilsesquioxane, Diisostearyl Malate, Isohexadecane , Dimethicone/ Bis- Isobutyl PPG 20 Crosspolymer, VP/ Hexadecene Copolymer, Quaternium - 18 Bentonite, Sodium Chloride, Cetyl PEG/ PPG - 10/ 1 Dimethicone, Butyl Avocadate, Glyceryl Undecylenate, Trimethylsiloxysilicate, Polypropylsilsesquioxane, Polyglyceryl- 2 Diisostearate, Sodium Hyaluronate, Phenoxyethanol, Tocopheryl Acetate. May Contain: Iron Oxides*

### **Sodium Hyaluronate**

- Sodium Hyaluronate adalah bentuk garam dari Hyaluronic Acid. Benda ini memiliki molekul yang jauh lebih kecil dibandingkan dengan Hyaluronic Acid. Jadi, ini menyebabkan Sodium Hyaluronate akan dapat lebih mudah untuk menembus ke dalam kulit dan mampu melembabkan dengan sangat baik.
- Sodium Hyaluronate akan bantu memberi dan mengekalkan lembapan pada kulit
- Sodium Hyaluronate juga bantu mengembalikan keanjalan kulit

### **Vitamin E**

- Tinggi kandungan anti oksida untuk melawan radikal bebas punca kerosakan kulit
- Tinggi kandungan lembapan yang akan bantu rawat masalah kekeringan kulit
- Bantu lindungi kulit dari sinaran UV yang merbahaya
- Bantu melewati proses penuaan kulit

## APA ITU CONCEALER

1. Concealer adalah untuk menutup cela terutamanya menyembunyikan dark circle bawah mata dan kesan-kesan jerawat.
2. Concealer ni kemasan dan teksturnya lebih 'heavy' berbanding dengan foundation kerana tugasnya adalah untuk menutup segala cela yang tidak dapat disembunyikan oleh foundation.
3. Concealer biasanya hadir dalam 3 jenis iaitu tekstur liquid, cream dan stick.
  - Concealer Stick
    - **Kelebihan:** concealer jenis ini dapat menutupi kekurangan dengan hampir sempurna.
    - **Kekurangan:** biasanya jenis ini lebih berminyak, jadi tidak perlu mengoleskannya tebal-tebal.
  - Concealer Liquid
    - **Kelebihan:** concealer ini biasanya lebih ringan dan tidak terlalu berminyak, jadi boleh oles berkali-kali
    - **Kekurangan:** Litupannya adalah sheer to medium coverage.
  - Concealer Cream
    - **Kelebihan:** concealer ini sesuai digunakan untuk kulit kering. Teksturnya creamy dan melembapkan, namun ada kalanya menjadi tebal dan berat. Concealer jenis ini lebih mudah dibaurkan pada wajah.
    - **Kekurangan:** teksturnya adalah likat, jadi jika tidak dibaurkan dengan baik, solekan boleh jadi bercapuk.
4. Antara kelebihan penggunaan concealer ialah:
  - Menutupi lingkaran gelap bawah mata
  - Menyembunyikan parut, jerawat, pigmentasi & jerawat.
  - Boleh dijadikan sebagai highlight & contour pada solekan. Hanya perlu gunakan warna concealer yang sesuai.
  - Menjadikan solekan wajah nampak flawless dan sempurna

## TIPS PEMAKAIAN FIX UP CONCEALER

### 1. Sebagai penyamar noda

- Oles Fix Up Concealer pada kawasan bawah mata, parut atau mana-mana ketidaksempurnaan kulit dan ratakan dengan menggunakan berus, span atau jari sehingga sekata dan natural.
- \*Tips:
  - Baurkan Matte Translucent Powder pada bahagian bawah mata selepas aplikasi penyamar noda untuk 'set' dan elak dari sapuan penyamar noda menjadi bercapuk.

### 2. Sebagai tinted moisturiser

- Bagi yang tidak gemar menggunakan foundation atau bersolek, tapi masih mahu menyembunyikan ketidaksempurnaan wajah boleh gabungkan moisturiser dan concealer.
- Caranya:
  - Ambil sedikit mana-mana moisturiser kegemaran anda dan calit sedikit Fix Up Concealer dan campurkan bersama. Campurkan sehingga mencapai konsistensi yang anda mahukan kemudian terus sapu ke seluruh wajah.
  - Setkan dengan membaur mana-mana bedak kompak atau loose powder.

### 3. Sebagai highlight wajah

- Fix Up Concealer kod Sugar Cube boleh digunakan sebagai highlight untuk proses kontur wajah.
- Caranya mudah sahaja:
  - Oles Fix Up Concealer pada kawasan tengah dahi, batang hidung, bawah mata dan muncung dagu.

## KOD WARNA FIX UP CONCEALER



01 SUGAR CUBE



02 BUTTER CUP



03 HONEY BUN

### **Nombor Notifikasi :**

NOT190201696K – Sugar Cube

NOT190201697K – Butter Cup

NOT190201698K – Honey Bun